

13 FEB 1996

SALLEH ULANGI KENYATAAN TERIMA KEPUTUSAN PERDANA MENTERI

KOTA KINABALU, 13 Feb (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Salleh Said hari ini mengulangi kenyataan untuk menerima keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung cadangan penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

Beliau berkata UMNO Sabah telah mengemukakan pandangannya kepada Perdana Menteri dan "tunggulah keputusannya."

"Kita menerima dan menghormati apa sahaja keputusan yang dibuat oleh Dr Mahathir," kata kepada pemberita selepas menyerahkan kuih Hari Raya kepada pasukan keselamatan di sini.

Pagi tadi, Timbalan Ketua Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam yang juga Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, mengetuai rombongan pemimpin tertinggi UMNO Sabah menemui Perdana Menteri bagi membincangkan isu berkenaan.

Pada pertemuan itu, UMNO Sabah memberi mandat kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan berhubung dengan isu itu.

Menjawab satu soalan, Salleh berkata, Osu diberi tugas untuk mengetuai pertemuan dengan Dr Mahathir hari ini kerana beliau (Salleh) sendiri telah berjumpa dengan Perdana Menteri sebelum ini.

Katanya, pertemuan hari ini memberi peluang kepada pemimpin Badan Perhubungan UMNO Sabah untuk bertemu Dr Mahathir. -- BERNAMA

JS FAZ